

24/10/1999

Pendekatan kewanitaan betulkan salah tanggapan

SEREMBAN: Pergerakan Wanita Umno akan menggunakan pendekatan kewanitaan untuk membetulkan salah tanggapan segelintir guru yang menghasut pelajar untuk membenci kerajaan.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata Wanita memberi perhatian serius terhadap pembabitan guru dalam kegiatan tidak sihat itu kerana majoriti guru adalah wanita.

Sehubungan itu, katanya pergerakan akan berjumpa dengan lebih ramai guru untuk membetulkan salah tanggapan yang berlaku.

"Pertemuan dengan guru melalui Persatuan Guru dan Ibu Bapa (PIBG) adalah antara usaha Wanita berhubung secara langsung dengan golongan itu," katanya selepas majlis gerak mesra anjuran Pergerakan Wanita Umno Negeri Sembilan di Pejabat Perhubungan Umno negeri di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pergerakan Wanita Umno negeri, Datuk Napsiah Omar.

Perdana Menteri kelmarin mendedahkan perbuatan guru tertentu di Kedah menyelitkan unsur kebencian terhadap kerajaan dan pemimpin dalam kertas soalan matematik untuk pelajar mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perbuatan itu hanya membabitkan segelintir guru, tetapi keterlaluan hingga sanggup membuat soalan membenci kerajaan.

Dr Siti Zaharah yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata oleh kerana guru adalah bidang kuasa Kementerian Pendidikan, pihaknya akan membincangkan perkara itu dengan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

(END)